



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

SURAT ARAHAN PENGARAH INSTUN BILANGAN 1 TAHUN 2012

**PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA BAGI PEGAWAI-PEGAWAI PENGURUSAN DAN
PROFESIONAL(PNP) GRED 48 DAN KE ATAS DI INSTITUT TANAH DAN UKUR
NEGARA (INSTUN)**

TUJUAN

1. Surat Arahan Pengarah INSTUN ini bertujuan untuk memaklumkan tentang Pelaksanaan Waktu Bekerja bagi Pegawai-pegawai Pengurusan dan Profesional (PNP) Gred 48 dan ke atas di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

LATAR BELAKANG

2. Surat Arahan ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007 yang berkaitan dengan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB)

3. Sebelum ini Pegawai-pegawai Pengurusan dan Profesional (PNP) Gred 48 dan ke atas di INSTUN bekerja berdasarkan pilihan WBB masing-masing. Namun demikian, adalah diberi makluman mengikut Para 9 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007 di bawah Pelaksanaan WBB, cabutannya seperti berikut : -

9. *Bagi menjamin keberkesanan WBB, pegawai hendaklah membuat perancangan WP dengan memilih WP1 atau WP2 atau WP3 yang sesuai setiap bulan bagi setahun dengan menggunakan borang seperti di **LAMPIRAN**, tertakluk kepada **PERSETUJUAN** Ketua Jabatan.*

WAKTU BEKERJA

3. Selaras dengan usaha penambahbaikan di jabatan ini, borang pemilihan WBB yang baru bagi tahun 2012 bermula Mei hendaklah diisi semula dan dihantar untuk persetujuan Ketua Jabatan. Adalah dimaklumkan bahawa Pegawai-pegawai Pengurusan dan Profesional (PNP) Gred 48 dan ke atas di INSTUN adalah diwajibkan Waktu Bekerja Peringkat 2 iaitu bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang seperti jadual di bawah :-

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP2	Isnin-Khamis	8.00 pagi – 1.00 ptg	1.00 ptg – 2.00 ptg	2.00 ptg – 5.00 ptg
Jumaat	Jumaat	8.00 pagi- 12.15 tgh	12.15 tgh – 2.45 ptg	2.45 ptg – 5.00 ptg

TARIKH KUAT KUASA

13. Surat Arahan ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2012.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MENDAHULUI CABARAN”



(DATO' HJ. MOHD SHAFIE BIN ARIFIN)

Pengarah

Institut Tanah dan Ukur Negara

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Tarikh: 5 April 2012

Semua Ketua Bahagian dan Pendaftar INSTUN